

13 JUN 2001

INDON-NATRABU

NATRABU INDONESIA KEMBANG SAYAP KE KL

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 13 Jun (Bernama) -- Restoran Indonesia, "Natrabu" yang terkenal dengan "Nasi Padang," makanan tradisi Minang, akan mengembangkan sayapnya ke Kuala Lumpur di bawah usaha sama dengan agensi kerajaan Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pada Ogos tahun ini.

Memorandum Persefahaman mengenai cadangan usaha sama itu dimeterai di sini antara Ivo Sutan dari Natrabu Minang Restaurant dengan Ketua Pegawai Eksekutif PNS, Shaharin Shaharudin, di sini, semalam.

Shaharin memberitahu Bernama PNS belum memutuskan lokasi sebenar restoran itu tetapi telah mengenal pasti tiga atau empat lokasi di pusat bandar.

Beliau berkata usaha sama itu akan meletakkan Natrabu pada kedudukan perniagaan lebih tinggi kerana ia adalah usaha sama pertama di luar Indonesia, dengan rancangan masa depan untuk berkembang ke Singapura dan Brunei di mana makanan Minangkabau sangat popular di kalangan penduduk di rantau ini.

Natrabu, singkatan bagi National Travel Bureau, yang beroperasi sebagai agen syarikat penerbangan dan perjalanan bagi penerokaan perniagaan awalnya, terkenal di kalangan golongan elit termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika Dr Mahathir berada di sini menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 bulan lalu, beliau dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tidak melepaskan peluang untuk makan tengah hari di Natrabu. Perdana Menteri akan mengunjungi restoran itu setiap kali beliau berada di sini.

Natrabu bukan sahaja terkenal dengan makanan yang berkualiti tinggi tetapi juga menampilkan ciri-ciri tradisional yang menarik pada hiasan dalamnya.

PNS, agensi yang ditubuhkan untuk membantu memajukan keusahawanan bumiputera juga akan membuka secara usaha sama sebuah restoran Mexico "Eltorita" rangkaian makanan Mexico yang sedang berkembang pesat di AS.

Agensi itu setakat ini mempunyai dua usaha sama dengan firma-firma AS dalam industri perkhidmatan -- Service Master mengendalikan industri perkhidmatan rumah dan Dwayer Group, bagi perkhidmatan pembersihan. --

BERNAMA

OPP ES FR ZK